

## **Terma Dan Syarat**

### **Kempen MyDebit di UiTM Cawangan Negeri Sembilan**

#### **Penganjur & Kelayakan**

1. **"Kempen 'MyDebit di UiTM Cawangan Negeri Sembilan" ["Peraduan"]** dianjurkan oleh Universiti Teknologi Mara Cawangan Negeri Sembilan **["UiTM Negeri Sembilan"]** ("Pihak Penganjur")
2. Peraduan ini terbuka kepada semua pelajar dan kakitangan UiTM Cawangan Negeri Sembilan yang merupakan pemegang Kad Mesin Automatik **["ATM"]** MyDebit yang dikeluarkan oleh Institusi Kewangan MyDebit di Malaysia dan mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah (contoh: kad pengenalan atau pasport) layak untuk mengambil bahagian dalam Peraduan ini **["Peserta"]**. Peserta juga mesti mempunyai akaun yang sah dengan mana-mana Institusi Kewangan MyDebit, tidak dorman dan dalam kedudukan kewangan yang baik, semasa Tempoh Peraduan sehingga penebusan Hadiah.
3. Peraduan ini juga terbuka kepada semua pelajar dan kakitangan UiTM Cawangan Negeri Sembilan yang membuat pembayaran melalui MyDebit di mana-mana kaunter pembayaran di UiTM Cawangan Negeri Sembilan dan mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah (contoh: kad pengenalan atau pasport) **["Peserta"]**.

#### **Tempoh Peraduan**

4. Peraduan ini akan berlangsung dari jam 00:00 (GMT+8) pada **1 Oktober 2020** sehingga jam 23:59 (GMT+8) **31 Mac 2021** **["Tempoh Peraduan"]**. Pihak Penganjur berhak untuk membuat pindaan ke atas Tempoh Peraduan pada bila-bila masa tanpa memberi sebarang notifikasi terlebih dahulu.
5. Penyertaan Peraduan yang diterima di luar Tempoh Peraduan adalah tidak sah dan akan dibatalkan.
6. Pihak Penganjur berhak untuk mengubah, melanjutkan atau menamatkan Tempoh Peraduan mengikut budi bicara mutlak tanpa perlu memberi sebarang notis terlebih dahulu.

## **Kriteria Kelayakan & Syarat Penyertaan**

7. Peserta yang membuat pembayaran melalui transaksi MyDebit akan layak menyertai Peraduan ini.
  - Perhatian:
    - a. Transaksi MyDebit : Semua transaksi penyertaan mestilah menggunakan kad ATM MyDebit dan dibuat dimana-mana Lokasi di dalam kampus UiTM Cawangan Negeri Sembilan sahaja.
8. Pembayaran melalui transaksi MyDebit, resit MyDebit tersebut mestilah dicetak dan peserta hendaklah menulis **Nama, Nombor Pelajar / Nombor Staf** dan **Nombor Telefon Bimbit** dengan jelas dibelakang resit MyDebit tersebut untuk layak diambil kira sebagai penyertaan yang sah di dalam Peraduan ini [**"Bukti Pembelian"**]. Peserta hendaklah memasukkan resit MyDebit yang telah lengkap diisi dengan maklumat yang dikehendaki ke dalam kotak cabutan yang telah disediakan di lokasi yang disediakan.
9. Pembayaran melalui transaksi MyDebit perlulah dibuat di mana-mana kaunter bayaran dari mana-mana lokasi di dalam kampus UiTM Cawangan Negeri Sembilan sahaja yang mengambil bahagian untuk layak menyertai dan penyertaan juga mesti mematuhi semua garis panduan yang disenaraikan dalam Terma & Syarat ini.
10. Bukti Pembelian yang tidak boleh dibaca/telah pudar/rosak/tidak lengkap adalah tidak sah, tidak layak dan akan dibatalkan untuk Peraduan ini.
11. Peserta juga perlu mempunyai kad ATM MyDebit yang sah, aktif dan dalam kedudukan kewangan yang baik dan stabil semasa Tempoh Peraduan sehingga penebusan Hadiah.
12. Peserta boleh menghantar lebih dari SATU (1) penyertaan. Setiap SATU (1) slip transaksi (dengan pembelian menggunakan kad ATM MyDebit) layak untuk SATU (1) penyertaan sahaja dan hanya boleh digunakan sekali sahaja. Penyertaan Peraduan akan dibatalkan jika slip transaksi yang sama digunakan lebih dari SATU (1) kali.

## **Pemilihan Pemenang**

13. Pemenang akan dipilih berdasarkan perkara berikut :-
  - a. Hadiah Utama
    - Pada akhir Tempoh Peraduan (Utama), Peserta yang layak dipilih secara cabutan rawak dari kotak cabutan utama yang dikumpul dari mula sehingga

akhir Tempoh Peraduan (Utama). Cabutan rawak akan dilakukan untuk pemenang-pemenang [**"Peserta yang Terpilih"**]. Cabutan rawak akan dijalankan oleh pihak Penganjur.

b. Hadiah Bulanan

- Pada akhir Tempoh Peraduan (Bulanan), Peserta yang layak dipilih secara cabutan rawak dari kotak cabutan utama MyDebit yang dikumpul dari mula sehingga akhir Tempoh Peraduan (Bulanan). Cabutan rawak akan dilakukan untuk pemenang-pemenang [**"Peserta yang Terpilih"**]. Cabutan rawak akan dijalankan oleh pihak Penganjur

14. Pihak Penganjur akan menghubungi Peserta yang Terpilih melalui maklumat perhubungan yang dibekalkan semasa proses penghantaran penyertaan. Peserta yang Terpilih akan dihubungi melalui telefon atau mana-mana kaedah komunikasi yang sesuai yang dipilih oleh pihak Penganjur.
15. Sekiranya Peserta Yang Terpilih tidak dapat dihubungi, Penganjur mempunyai hak untuk menghubungi Peserta yang dipilih dari cabutan rawak yang seterusnya dan mengisytiharkan Peserta yang Terpilih tersebut sebagai pemenang mengikut proses yang dinyatakan di atas.
16. Semua keputusan yang dibuat oleh Penganjur berhubung Peraduan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada, senarai pendek, pemilihan pemenang dan pelucutan hak kepada Hadiah adalah muktamad. Sebarang surat-menyurat atau rayuan tidak akan dilayan. Pemilihan pemenang adalah tertakluk kepada syarat-syarat kelayakan dan kriteria penyertaan yang ditentukan mengikut budi bicara mutlak Penganjur
17. Setiap Peserta hanya layak untuk memenangi **SATU (1)** hadiah dari Tempoh Peraduan Utama dan dan **SATU (1)** hadiah dari Tempoh Hadiah Bulanan sahaja di sepanjang Tempoh Peraduan.
18. Senarai pemenang akan disiarkan dan diumumkan di laman web atau media sosial pihak Penganjur.
19. Segala langkah dari Klausula 15 sehingga 20 adalah terpakai bagi pemilihan Pemenang bagi Tempoh Peraduan Utama dan Tempoh Peraduan Bulanan.

## **Hadiah & Penebusan**

- **Hadiah Peraduan (jumlah keseluruhan 75 unit):**

### **Tempoh Peraduan Utama (1 Oktober 2020 – 31 Mac 2021)**

#### a. Kampus Seremban

- i. Hadiah Utama - Seorang (1) pemenang akan memenangi sebuah motosikal Yamaha 135LC bernilai Ringgit Malaysia Enam Ribu Sembiliah Ratus Tujuh Belas (RM6,917.00) sahaja.
- ii. Hadiah Pertama – Lima (5) pemenang akan memenangi Wang Tunai berjumlah Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500.00) sahaja.
- iii. Hadiah Kedua – Lima (5) pemenang akan memenangi Wang Tunai berjumlah Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh (RM250.00) sahaja.
- iv. Hadiah Bulanan – Sepuluh (10) pemenang akan memenangi Wang Tunai berjumlah Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100.00) sahaja.

#### b. Kampus Kuala Pilah

- i. Hadiah Utama - Seorang (1) pemenang akan memenangi sebuah motosikal Yamaha 135LC bernilai Ringgit Malaysia Enam Ribu Sembiliah Ratus Tujuh Belas (RM6,917.00) sahaja.
- ii. Hadiah Pertama – Lima (5) pemenang akan memenangi Wang Tunai berjumlah Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500.00) sahaja.
- iii. Hadiah Kedua – Lima (5) pemenang akan memenangi Wang Tunai berjumlah Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh (RM250.00) sahaja.
- iv. Hadiah Bulanan – Sepuluh (10) pemenang akan memenangi Wang Tunai berjumlah Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100.00) sahaja.

#### c. Kampus Rembau

- v. Hadiah Utama - Seorang (1) pemenang akan memenangi sebuah motosikal Yamaha Lagenda 115Z Edisi MotoGP bernilai Ringgit Malaysia Lima Ribu Empat Ratus Enam Puluh Tujuh (RM5,467.00) sahaja.

- vi. Hadiah Pertama – Empat (4) pemenang akan memenangi memenangi Telefon Bimbit Xiami Redmi Note 8 Pro bernilai Ringgit Malaysia Lapan Ratus (RM800.00) sahaja.
- vii. Hadiah Kedua – Lapan (8) pemenang akan memenangi Wang Tunai berjumlah Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh (RM250.00) sahaja.
- viii. Hadiah Bulanan – Dua Puluh (20) pemenang akan memenangi Wang Tunai berjumlah Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50.00) sahaja.

**Tempoh Peraduan Bulanan (setiap akhir bulan dari Oktober 2020 – Mac 2021)**

- 20. Hadiah adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh pembekal. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Penganjur dan ejennya tidak bertanggungjawab terhadap semua liabiliti yang timbul daripada sebarang penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan kepada butir-butir Hadiah atau apa-apa keadaan yang tidak diduga di luar kawalan yang munasabah oleh pihak Penganjur dan untuk apa-apa perbuatan atau keingkaran oleh mana-mana vendor atau pembekal pihak ketiga.
- 21. Pihak Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan yang berlaku kepada Hadiah semasa proses penghantaran. Apa-apa kos tambahan, duti, cukai dan/atau perbelanjaan sampingan atau caj yang dikenakan berkaitan dengan Hadiah sama ada untuk menebus atau memungut Hadiah adalah semata-mata ditanggung oleh pemenang.
- 22. Penganjur berhak untuk menangguhkan tarikh dan tempat bagi menuntut Hadiah yang telah ditentukan sebelum penebusan Hadiah pada masa yang lain yang akan dimaklumkan oleh Penganjur kepada pemenang sekiranya berlaku apa-apa keadaan yang di luar jangkaan dari semasa ke semasa.
- 23. Visual Hadiah yang dipamerkan dalam mana-mana iklan, publisiti promosi dan bahan lain yang berkaitan dengan Peraduan ini adalah tujuan ilustrasi sahaja dan tidak boleh menggambarkan Hadiah yang sebenar.
- 24. Penganjur tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggung terhadap segala kos pengangkutan yang berkaitan dengan penebusan dan/atau penyerahan Hadiah.
- 25. Penyerahan Hadiah kepada pemenang yang dipilih bergantung kepada ketersediaan Hadiah yang akan dimaklumkan kepada pemenang yang dipilih oleh Penganjur dari semasa ke semasa.

26. Semua keputusan yang dibuat oleh Penganjur berhubung dengan Peraduan termasuk tetapi tidak terhad kepada senarai pemilihan Pemenang dan Hadiah adalah muktamad, dan mengikat. Sebarang surat-menyurat, pertanyaan, rayuan atau bantahan dari Peserta adalah tidak dilayan.
27. Pemenang perlu memaklumkan kepada Penganjur dalam tempoh masa empat belas (14) hari bekerja dari tarikh pemberitahuan oleh Penganjur, bahawa Pemenang akan menebus hadiah yang telah dimenangi. Sekiranya Pemenang menolak atau gagal memberikan jawapan dalam tempoh yang telah diberikan, Penganjur berhak melucutkan hak pemenang tersebut dan menarik balik hadiah. Hadiah yang tidak dituntut akan dibatalkan dan sebarang pertanyaan selepas itu tidak akan dilayan. Bayaran balik tidak akan diberikan untuk sebarang hadiah yang tidak dituntut.
28. Pemenang yang telah dihubungi oleh pihak Penganjur, perlu menuntut hadiah kemenangan dan hendaklah hadir di Pejabat Bendahari dengan membawa dokumen pengenalan diri (kad pengenalan atau passport). Pemenang perlu mengisi maklumat di dalam borang yang disediakan seperti Lampiran 3 untuk tujuan rekod. Hadiah bagi Pemenang berupa wang tunai akan dikreditkan terus ke dalam akaun Pemenang berdasarkan maklumat yang telah di isi seperti di dalam borang.
29. Sekiranya Pemenang memerlukan seorang wakil untuk menuntut hadiah bagi pihak mereka, wakil Pemenang hendaklah membawa surat kebenaran yang ditandatangani oleh Pemenang bersertakan salinan dokumen pengenalan diri Pemenang (kad pengenalan atau passport).
30. Untuk upacara penyampaian hadiah (jika berkenaan), Pemenang yang berusia 18 tahun ke bawah perlu hadir dan ditemani oleh ibu bapa/penjaga.
31. Ganjaran atau Hadiah tidak boleh ditukar dengan wang tunai. Pihak Penganjur mempunyai hak untuk menukar hadiah yang diiklankan dengan hadiah yang sama nilai tanpa pemberitahuan terlebih dahulu atas budi bicara tunggal dan mutlaknyanya. Pihak Penganjur, agensi, afiliasi, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab terhadap hadiah yang rosak atau penyalahgunaan mana-mana hadiah, atau tuntutan, liabiliti, kerugian atau kerosakan yang timbul daripada atau berkaitan dengan Peraduan ini.

### **Hak Pihak Penganjur**

32. Pihak Penganjur berhak meminda, membatalkan atau menambah mana-mana terma dan syarat di dalam peraduan ini sama ada secara keseluruhan atau sebahagian tanpa notis terlebih dahulu. Pindaan, pembatalan atau penambahan tersebut adalah dianggap

mengatasi pernyataan seperti mana yang terkandung di dalam bahan promosi pengiklanan yang berkaitan dengannya.

33. Pihak Penganjur berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menangguhkan Peraduan ini dengan atau tanpa notis terlebih dahulu dan/atau tanpa memberikan apa-apa sebab kepada mana-mana peserta. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan Peraduan ini oleh Penganjur tidak akan memberi hak kepada mana-mana peserta untuk apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap Penganjur ke atas apa-apa dan/atau keseluruhan kehilangan, kos, perbelanjaan atau kerosakan yang ditanggung atau dialami sebagai kesan langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.
34. Pihak Penganjur tidak bertanggungjawab ke atas penghantaran penyertaan yang lewat, hilang, tidak lengkap, tidak diserahkan, ditangguhkan, rosak atau salah arah sama ada disebabkan kesilapan, peninggalan, pengubahan, gangguan, penghapusan, kecurian, pemusnahan atau sebaliknya.
35. Pihak Penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlakanya, untuk membatalkan kelayakan mana-mana Peserta dan/atau entri yang didapati atau disyaki menipu/menggodam/menyalahgunakan proses penghantaran Peraduan, operasi Peraduan atau melanggar mana-mana Terma dan Syarat-Syarat Peraduan ini.
36. Pihak Penganjur berhak untuk menggantikan hadiah dengan hadiah lain yang sama nilainya tanpa sebarang notis terlebih dahulu.
37. Penyertaan peserta dalam Peraduan ini adalah atas risiko peserta sendiri. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kecederaan, kehilangan, kerosakan atau tuntutan akibat penyertaan tersebut.
38. Segala terma dan syarat yang telah dinyatakan dan juga sebarang keputusan yang dibuat oleh pihak Penganjur berhubung peraduan ini adalah muktamad. Pihak Penganjur tidak akan melayan sebarang rayuan atau pertikaian melibatkan keputusan yang telah dibuat.
39. Pihak Penganjur boleh menggunakan penyertaan Peserta termasuk tanpa terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan promosi (secara kolektif dinamakan "Bahan"), dan nama peserta, dan/atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan promosi mana-mana barangan atau perkhidmatan Penganjur, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa sebarang bayaran royalti atau pampasan, dan dalam mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh Penganjur.

40. Semua pemenang Peraduan ini bertanggungjawab ke atas segala cukai, kadar, fi atau sebarang bayaran yang mungkin dikenakan ke atas mereka menurut undang-undang dan juga kos pemasangan (sekiranya ada), berkaitan dengan hadiah-hadiah dan Peraduan ini.
41. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan atau kerugian, samada secara langsung atau tidak langsung, yang berlaku berkaitan dengan Peraduan ini. Pihak Penganjur juga tidak boleh dipertanggungjawabkan jika berlaku sebarang kejadian bencana semula jadi, peperangan, rusuhan, mogok, sekatan, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, kegagalan teknikal atau sistem atau sebarang kejadian yang di luar kawalan pihak Penganjur.
42. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan atas sebarang kerugian yang ditanggung oleh peserta yang berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada penyertaan peserta dalam Peraduan ini.
43. Melainkan dinyatakan sebaliknya, semua kos pengangkutan, caj internet, kos peribadi dan/atau sebarang kos, yuran dan/atau apa-apa jenis perbelanjaan yang dibuat oleh Peserta yang berkaitan dengan Peraduan ini (sama ada untuk tujuan menyertai, menghantar penyertaan atau penerimaan hadiah) adalah ditanggung sepenuhnya oleh Pemenang/Peserta. Pihak Penganjur, ahli gabungan, ejen-ejen atau agensi peraduan tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kos/caj/yuran/perbelanjaan yang tersebut.
44. Terma dan Syarat Peraduan ini akan mengatasi mana-mana peruntukan atau kenyataan berkaitan Peraduan ini yang terkandung dalam mana-mana bahan-bahan promosi samada bercetak atau elektronik.

### **Liabiliti dan Tanggungjawab**

45. Peserta dan Pemenang akan menanggung sepenuhnya dan bertanggungjawab sekiranya berlaku liabiliti, kejadian tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang disebabkan penyertaan mereka di dalam Peraduan ini dan/atau penebusan dan/atau penggunaan hadiah dan bersetuju untuk melepaskan pihak Penganjur dan agensinya dari sebarang tuntutan sama ada bagi sebarang kecederaan, kemalangan, kehilangan jiwa mahupun kehilangan ekonomi dan lain-lain.
46. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, tidak di dalam apa-apa keadaan Penganjur atau pegawai, pekerja, wakil dan/atau ejen (termasuk, mana-mana pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang berurusan dengan Penganjur untuk tujuan Peraduan ini) bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik atau ganti rugi tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang



timbul sama ada dalam kontrak, tort, kecuaiian atau sebaliknya, berkaitan dengan Peraduan ini, walaupun Penganjur telah dinasihatkan tentang kemungkinan kerosakan tersebut terlebih dahulu, dan semua ganti rugi yang tersebut adalah dikecualikan.

47. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta bersetuju untuk mematuhi keputusan yang dibuat oleh pihak Penganjur dan bersetuju dengan terma-terma & syarat-syarat rasmi dan semua keputusan Pihak Penganjur.

### **Perlindungan Data**

48. Dengan mengambil bahagian dalam Peraduan ini, peserta bersetuju dan memberi kebenaran kepada pihak Penganjur untuk mengumpul, menyimpan, menggunakan, memproses maklumat peribadi untuk tujuan menjalankan Peraduan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengumuman dan penerbitan Data Peribadi dan / atau foto Pelanggan di laman web Penganjur untuk tujuan pengiklanan dan publisiti.

49. Dengan mengambil bahagian dalam Peraduan ini, Peserta juga memberi persetujuan dan kebenaran kepada pihak Penganjur untuk berkongsi atau mengumpul Data Peribadi mereka termasuk dengan pihak ketiga (jika diperlukan) tidak terhad kepada Agensi atau mana-mana bank peserta MyDebit, JomPay atau FPX di Malaysia. Semua pihak ketiga tersebut dikehendaki secara kontrak, tidak menggunakan Data Peribadi peserta selain dari cara yang dinyatakan di sini.

50. Di bawah undang-undang Malaysia, hak Peserta termasuk:

- a. Hak untuk menarik balik kebenaran untuk penggunaan Data Peribadi pada bila-bila masa dengan menghubungi Penganjur pada maklumat yang dinyatakan di bawah yang disediakan Penganjur dengan nama dan alamat e-mel Peserta untuk penghapusan Data Peribadi tersebut;
- b. Hak untuk mendapatkan salinan Data Peribadi (milik Peserta sahaja) yang dimiliki oleh Penganjur; dan
- c. Hak untuk membetulkan Data Peribadi yang tidak tepat.

51. Sebarang isu perlindungan data bersama Penganjur, aktiviti berkenaan hak undang-undang bagi Peserta, boleh menghubungi pihak Penganjur.

52. Penganjur akan mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk menyimpan Data Peribadi Peserta dengan selamat, dan memerlukan pemprosesan data dari pihak ketiga untuk melakukan perkara yang sama. Bagaimanapun, Penganjur boleh mendedahkan Data Peribadi Peserta jika dikehendaki oleh undang-undang, waran geledah, sepina atau perintah mahkamah.

53. Apa-apa perkara berkaitan Data Peribadi yang berhubung kait dengan Peraduan ini akan ditadbir dan diuruskan mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan apa-apa undang-undang yang berkaitan di Malaysia

**Umum**

54. Dengan menyertai Peraduan ini, peserta dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju dengan terma dan syarat peraduan ini

55. Terma dan Syarat Peraduan ini tertakluk pada undang-undang Malaysia dan dalam bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia.

56. Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://nsembilan.uitm.edu.my> pada bila-bila masa semasa Tempoh Peraduan.

57. Terma & Syarat ini disediakan dalam Bahasa Malaysia

**[TAMAT]**

Lampiran 3

**PEMENANG KEMPEN MYDEBIT DI  
UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN**

KATEGORI :  Utama  Bulanan (Bulan : \_\_\_\_ Tahun : \_\_\_\_ )

**MAKLUMAT PEMENANG**

NAMA : \_\_\_\_\_

NO MATRIK/NO STAF : \_\_\_\_\_

FAKULTI/PTj : \_\_\_\_\_

NO TELEFON (HP) : \_\_\_\_\_

EMEL : \_\_\_\_\_

NAMA BANK : \_\_\_\_\_

NO AKAUN BANK : \_\_\_\_\_

TARIKH: \_\_\_\_\_

TANDATANGAN: \_\_\_\_\_

*\*\*Nota : Sila lampirkan salinan dokumen pengenalan diri (kad pengenalan atau pasport)*

**KEGUNAAN PEJABAT**

DiSemak Oleh:

TARIKH: \_\_\_\_\_

TANDATANGAN & COP: \_\_\_\_\_

DiLulus Oleh:

TARIKH: \_\_\_\_\_

TANDATANGAN & COP: \_\_\_\_\_